

**KAJIAN TERHADAP MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR DI
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK PENGKALAN CHEPA**

NAZLI HULWANY BT ABDULLAH

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2001

DEDIKASI

AYAHANDA DAN BONDA TERCINTA...

Abdullah Bin Hassan dan Umi Kalthom Bt Hassan.
Terima Kasih di atas pengorbananmu selama ini.
Doa dan pengorbananmu hanya Allah S.W.T dapat membalasnya.

ISTIMEWA BUAT ABANG DAN KAKAK TERSAYANG...

Syardiey, Azham Muliady dan Noor Ratna.
Semoga hidup kita diredhai dan diberkati Allah S.W.T dan terima kasih diatas
sokongan dan bimbinganmu selama ini..

UNTUK ADIK-ADIK TERSAYANG...

Mohd Nizam, Mohd Zakuan, Mohd Baihaky dan Mohd Faisal Bukhary.
Layarilah kehidupanmu dengan penuh keimanan dan ketaqwaan.
Belajar meniti kehidupan ini dengan kecekalan dan kesyukuran.



PERPUSTAKAAN PTTA UTHM
TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi dan selawat serta salam untuk Rasulullah S.A.W kerana memberi taufik dan hidayah kepada saya untuk menyiapkan kajian kes ini dalam masa yang ditetapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, khasnya penyelia kajian kes saya, Encik Ahmad Bin Esa atas bimbingan, tunjuk ajar membina dan kesabaran beliau sepanjang pelaksanaan dan penulisan kajian kes saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua, guru kaunselor dan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan di atas kesudian bekerjasama dalam memberikan maklumat-maklumat yang di perlukan untuk memastikan kajian kes ini dijalankan dengan baik dan lancar. Tidak di lupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan.

Akhirnya, penghargaan tidak ternilai ingin saya tujukan kepada ibu, ayah dan adik-beradik yang sentiasa berdoa dan memberi dorongan dalam hidup saya. Bagi penulis, pengorbanan dan penat lelah di universiti akan diabadikan dalam kenangan hingga ke akhir hayat.

Sekian, terima kasih.

Nazli Hulwany Bt Abdullah

5 September 2001

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat minat kerjaya di kalangan pelajar. Seramai 95 orang pelajar telah dipilih secara rawak mudah dari sebuah Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa di daerah Kota Bharu. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat yang terdiri dari pelbagai jantina, bangsa, persekitaran tempat tinggal dan latar belakang ibu bapa. Instrumen kajian yang digunakan ialah *Career Interest Inventory* (CII) dan *Self Directed Search* (SDS) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Data-data yang diperolehi diproses secara statistik deskriptif dan inferensi yang bertujuan untuk mengukur dan menguji hipotesis-hipotesis yang dibina dengan menggunakan min, analisis varian sehala (ANOVA) pada aras signifikan 0.05 dan analisis korelasi Pearson pada aras signifikan 0.01. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar cenderung dalam orientasi Intelek dan Daya Usaha. Keputusan kajian menunjukkan pelajar-pelajar meminati bidang jurutera, ahli perniagaan, melanjutkan pelajaran dan kesenian. Hasil kajian juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan minat kerjaya pelajar-pelajar dalam bidang-bidang CII dan SDS dari segi jantina, bangsa dan persekitaran tempat tinggal. Dari segi hubungan, hasil kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dalam pemilihan kerjaya dengan tahap pendidikan ibu bapa.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify career interest among the students. A sample of 95 secondary form four pupils was selected by using simple random sampling from Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa in Kota Bharu district. These pupils consisted of various gender, race and background. The instruments used were the Career Interest Inventory (CII) and Self Directed Search (SDS) that were translated into Bahasa Melayu. The data obtained was processed using descriptive statistic and inference to prove the hypothesis by using *min*, the analysis varians one way (ANOVA) at the 0.05 significant and analysis correlation Pearson at the 0.01 significant. The results of the study showed the students inclining to orientation Intelek and Daya Usaha. The results of the study showed the students interest to be an engineer, businessman, futher study and fine arts. The results of the study also showed the students of difference gender, race and background were not different as significant in some of career field in CII and SDS. In term of relationship, the result of the study showed has significant between career field and their parent educations.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Soalan Kajian	6
	1.5 Hipotesis Kajian	6

1.6	Objektif Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop Kajian	10
1.9	Definisi Istilah	10
	1.9.1 Kerjaya	10
	1.9.2 Minat	11
1.3	Pelajar	11

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Teori Kerjaya	12
	2.2.1 Teori Anne Roe	12
	2.2.2 Teori Ginzberg	14
	2.2.3 Teori Holland	15
2.3	Jantina	18
2.4	Bangsa	19
2.5	Aliran Pelajaran	20
2.6	Persekitaran Tempat Tinggal	21
2.7	Tahap Pendidikan Ibu bapa	22



BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka bentuk Kajian	23
3.3	Sampel Kajian	25
3.4	Instrumen Kajian	25
3.5	Kajian Rintis	26
3.5.1	Kesahan	26
3.5.2	Kebolehpercayaan	27
3.6	Kaedah Analisis Data	27
3.7	Prosedur Kajian	30
3.8	Batasan Kajian	31
3.9	Andaian	31

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	32
4.2	Keputusan Analisis	33
4.2.1	Analisis Min	33
4.2.2	Analisis Bidang-bidang Yang Diminati Oleh Pelajar	41
4.2.3	Minat Kerjaya Pelajar Berdasarkan Jantina	42
4.2.4	Minat Kerjaya Pelajar Berdasarkan Bangsa	44

4.2.5	Minat Kerjaya Pelajar Berdasarkan Persekitaran Tempat Tinggal	45
4.2.6	Hubungan Antara Pemilihan Kerjaya Dengan Tahap Pendidikan Ibu bapa	47
4.2.7	Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya Para Pelajar	49

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	51
5.2	Dapatan Kajian	
5.2.1	Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Jantina	52
5.2.2	Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Bangsa	53
5.2.3	Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Persekitaran Tempat Tinggal	54
5.2.4	Minat Kerjaya Para Pelajar Dengan Tahap Pendidikan Ibu bapa	56
5.3	Rumusan	57
5.4	Implikasi Kajian	58
5.5	Cadangan	61
5.6	Penutup	63
	BIBLIOGRAFI	64
	LAMPIRAN A- K	68-140

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Hirarki Keperluan Maslow	14
4.1	Hirarki Faktor-faktor Pemilihan Kerjaya Pelajar	49



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Klasifikasi Pekerjaan Mengikut Roe	14
2.2	Contoh Cara Hidup Tersendiri Dan Persekitaran Pekerjaan	16
3.1	Jenis Orientasi dan No. Item dalam CII dan SDS	24
3.2	Nilai Skor Berdasar Darjah Kesukaan	29
3.2	Penilaian Nilai Skor Berdasarkan Darjah Kesukaan	29
3.4	Interpretasi Pekali Korelasi	30
4.1	Analisis Min Bagi Item Orientasi Realistik	33
4.2	Analisis Min Bagi Item Orientasi Intelek	34
4.3	Analisis Min Bagi Item Orientasi Artistik	35
4.4	Analisis Min Bagi Item Orientasi Sosial	36
4.5	Analisis Min Bagi Item Orientasi Konvensional	38
4.6	Analisis Min Bagi Item Orientasi Daya Usaha	39
4.7	Analisis Min Bagi Kesemua Item Orientasi	40



PTTA UTHM

PEPUSTAKAAN TUNJANGAN TUN AMINAH

4.8	Analisis Bidang-bidang Kerjaya Yang Diminati Oleh Pelajar	41
4.9	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Jantina Mengikut Setiap Orientasi	42
4.10	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Jantina	43
4.11	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Bangsa Mengikut Setiap Orientasi	44
4.12	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Bangsa	45
4.13	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Persekitaran Tempat Tinggal Mengikut Setiap Orientasi	46
4.14	Analisis Perbezaan Minat Kerjaya Berdasarkan Persekitaran Tempat tinggal	47
4.15	Korelasi Antara Minat Kerjaya Dengan Tahap Pendidikan Ibu	48
4.16	Korelasi Antara Minat Kerjaya Dengan Tahap Pendidikan Bapa	48



SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Ciri-Ciri Pekerjaan CII dan SDS	68
B	Jadual Morgan	72
C	Borang Soal Selidik	73
D	Surat kebenaran Pengarah, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan	80
E	Hasil Pemprosesan Data Analisis Min	82
F	Hasil Pemprosesan Data Analisis 'One Way Anova' Dari Segi Jantina	86
G	Hasil Pemprosesan Data Analisis 'One Way Anova' Dari Segi Bangsa	91
H	Hasil Pemprosesan Data Analisis 'One Way Anova' Dari Segi Persekitaran Tempat Tinggal	97
I	Hasil Pemprosesan Data Analisis Korelasi	103
J	Analisis Kebolehpercayaan	104
K	Data Mentah	105

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kerjaya adalah satu siri pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu. Ada yang bekerja tetap tanpa sebarang pertukaran dan ada pula yang bertukar-tukar hingga tamat perkhidmatan. Perubahan struktur ekonomi Malaysia juga telah berkembang pesat daripada sebuah negara berorientasikan pertanian kepada sektor perindustrian dan kini menuju ke era teknologi maklumat. Kepsatan ekonomi negara mewujudkan peluang-peluang kerjaya yang banyak. Namun begitu, persaingan yang hebat di dalam bidang perniagaan dan pekerjaan telah golongan remaja yang hendak bekerja ini mempunyai pilihan untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan mereka (Faridah Mariani Johari, 1996).

Krisis ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara pada September 1997 turut memberi kesan yang besar terhadap negara. Beberapa pakar ekonomi juga telah menganggarkan bahawa pada tahun 2001 kadar pertumbuhan ekonomi negara akan mengalami kelembapan seperti zaman kegawatan ekonomi yang berlaku pada September 1997. Kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan ini akan mengakibatkan pengangguran ekoran dari penutupan premis-premis kecil yang tidak

mampu untuk bertahan dalam situasi ini. Begitu juga dengan peluang –peluang pekerjaan yang ada semakin tipis dan terpaksa bersaing untuk merebut peluang pekerjaan yang ada. Namun begitu, peluang pekerjaan di Malaysia sama ada di peringkat ikhtisas, separa ikhtisas, juruteknik dalam bidang saintifik, teknikal dan pengurusan saban hari semakin bertambah. Oleh itu, pemilihan kerjaya yang tepat adalah terpulang kepada kebijaksanaan dan kematangan remaja untuk membuat keputusannya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dewasa ini, pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit ditambah pula keadaan ekonomi yang gawat akibat krisis ekonomi yang melanda negara sejak September 1997 sehingga kini. Ramai pekerja yang dibuang dan ruang atau peluang pekerjaan semakin sedikit. Sedangkan, manusia sekarang ini mempunyai pelbagai kebolehan dalam bidang pekerjaan dan pendidikan melalui pengkhususan. Ini menyebabkan remaja semakin rungsing dan kusut. Terutamanya bagi remaja yang tidak dapat mengagakkan dengan baik tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka. Hasilnya kerjaya yang dipilih tidak bersesuaian dengan minat yang ada pada mereka.

Fenomena ini menunjukkan perlunya ada persediaan untuk menentukan kerjaya seseorang sebelum menempuh alam yang sebenarnya. Super (1972) menegaskan bahawa pemilihan kerjaya adalah penting kerana kerjayalah yang akan menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang. Oleh yang demikian, antara faktor penting atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat. Menurut Crow (1987), sebab-sebab utama mengapa seseorang individu itu menceburi diri dalam pekerjaan ialah mempunyai darjah minat yang tinggi terhadap aktiviti-aktiviti pekerjaan dan mempunyai keupayaan personal untuk mendapat kepuasan daripada pekerjaan yang diceburi.

Banyak lagi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Menurut ahli-ahli teori perkembangan kerjaya Hollingshead (1949), Dan Roc (1954), Holland (1966) terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu,

- a) bakat dan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu.
- b) minat.
- c) personaliti yang meliputi konsep diri, nilai dan kehendak.

Crow (1987) juga menekankan tiga perkara sebelum seseorang itu menceburi sesuatu bidang pekerjaan iaitu,

- a) keupayaan, minat dan sifat peribadi.
- b) bidang pekerjaan dan syarat-syaratnya.
- c) kebolehan yang dikehendaki dalam pekerjaan.

Pemilihan kerjaya merupakan satu tugas yang penting dalam perkembangan remaja (Conger, 1975) kerana kerjaya yang akan menentukan masa depan mereka dan identiti remaja. Di samping itu, individu akan mempelajari peluang-peluang yang ada serta menentukan corak kerjaya yang akan diceburi dan mencorakkan kehidupannya dalam masyarakat. Sehubungan dengan kenyataan tersebut, ketiadaan minat dalam sesuatu kerjaya dan bidang akan menyebabkan berlakunya pertukaran pekerjaan. Pembaziran masa dan tenaga serta *brain drain* dalam sektor pekerjaan.

Minat terhadap sesuatu kerjaya merupakan satu aspek yang penting dalam pendidikan dan pekerjaan di Malaysia. Ini bersesuaian dengan pendapat Ginzberg and Associates (1972) yang menyatakan bahawa proses pemikiran sesuatu kerjaya adalah hasil persetujuan dan kesesuaian antara minat dan kebolehan dalam bidang kerjaya.

Justeru itu, menurut Rohani Nasir (1985), masa persekolahan terutama sekali pada peringkat sekolah menengah merupakan masa yang penting bagi membantu kesedaran, membuat perancangan serta membuat keputusan berhubung dengan kerjaya. Pada masa tersebut adalah penting bagi mereka untuk memilih kerjaya yang akan diceburi kerana mereka sendiri yang akan menentukan bidang pekerjaan

kerjaya yang akan dilakukan bila tamat persekolahan. Pemilihan bidang kerjaya mungkin tidak timbul lagi bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik kerana telah wujud pengkhususan dalam bidang kerjaya. Tetapi sejauh manakah minat mereka terhadap bidang kerjaya bakal yang diceburi? Persoalan tersebut merupakan antara pertimbangan asal pengkaji menjalankan kajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Sehingga kini banyak kajian yang dibuat berkaitan dengan kerjaya. Walau bagaimanapun kajian tentang minat di kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya masih berkurang. Oleh itu, pengkaji fikirkan perlu dibuat kajian tentang minat di kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya yang dipilih bagi menambah pengetahuan tentang hal tersebut.

Majlis Daerah Kota Bharu dan Pihak Berkuasa Tempatan Perancang Tempatan Kota Bharu (1998) dalam laporan pemeriksaannya telah mendapati dalam tahun 1990 terdapat beberapa sektor pekerjaan yang wujud di daerah ini iaitu sektor pertama (sektor pertanian dan perhutanan), sektor kedua (sektor pembuatan dan pembinaan) dan sektor ketiga (sektor perdagangan, perhotelan, kewangan, insuran, dan perniagaan). Hasil kajian 55% sumbangan diperolehi dari sektor pertama, 27% dari sektor kedua dan sumbangan terkecil 18% dari sektor yang ketiga.

Menjelang tahun 1995 peningkatan yang pesat berlaku dalam sektor pembuatan dan perniagaan yang memberi catatan sebanyak 36%. Ini adalah disebabkan perubahan yang berlaku dalam sektor pembinaan dan perniagaan di daerah Kota Bharu. Sementara itu, terdapat penurunan dalam sektor pertanian pada 1997 sebanyak 6% dan dijangka 1.2% pada tahun 2020.

Hasil kajian juga menunjukkan dalam tahun 1990, 59.5% tenaga buruh telah digunakan iaitu terdiri dari 83.4% pekerja lelaki dan 35.1% pekerja perempuan. Penyertaan tenaga buruh di daerah ini meningkat kepada 86.6% dalam tahun 1991. Ini membawa kepada peningkatan jumlah pekerja iaitu 86% pekerja lelaki dan 50.3% pekerja perempuan. Perubahan ekonomi yang berlaku ini menunjukkan bahawa akan wujudkan tenaga buruh yang lebih terdorong untuk mencari kerja yang moden dan meninggalkan sektor pertanian .

Fenomena ini bersesuaian dengan kewujudan sektor-sektor pekerjaan yang moden di daerah ini seperti industri perkilangan, perhotelan, perdagangan, dan pembuatan. Mengikut Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Majlis Daerah Kota Bharu, berdasarkan pelan Tindakan Perindustrian Negeri Kelantan, Daerah Kota Bharu akan dijadikan sebagai sebuah daerah yang bersifat '*hi-tech*' dan industri .Terutamanya apabila kedudukannya adalah di antara kawasan yang sedang membangun dengan pesat iaitu Pengkalan Chepa.

Perubahan yang berlaku dalam sektor ekonomi, pendidikan, peningkatan jumlah penduduk dan tenaga buruh di daerah Kota Bharu telah mewujudkan pelbagai bidang pekerjaan. Oleh itu, apabila banyak pilihan kerjaya yang boleh dibuat, dilema pula yang timbul terutamanya di kalangan pelajar. Ini adalah kerana mereka berkemungkinan tidak tahu pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka. Persoalan yang timbul ialah adakah pekerjaan itu sesuai dengan minat kerjayanya atau terpaksa mengisi jawatan kosong yang ada.

Sehubungan dengan senario di Kota Bharu (Pengkalan Chepa) dan persoalan di atas pengkaji berminat dan tertarik untuk menjalankan kajian untuk melihat sejauhmana minat pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa terhadap bidang kerjaya yang diceburi, perbezaan minat kerjaya di kalangan jantina, bangsa dan persekitaran tempat tinggal dan adakah minat kerjaya pelajar dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa.

1.4 Soalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang diutarakan dalam kajian ini. Di antara persoalannya ialah:

- a) Apakah jenis pekerjaan yang dipilih oleh pelajar ?
- b) Adakah terdapat perbezaan minat kerjaya di kalangan pelajar lelaki dan perempuan?
- c) Adakah terdapat perbezaan pemilihan kerjaya di kalangan bangsa ?
- d) Adakah terdapat perbezaan minat terhadap kerjaya berdasarkan persekitaran tempat tinggal?
- e) Adakah pemilihan kerjaya di kalangan pelajar di pengaruhi oleh tahap pendidikan ibu bapa?

1.5 Hipotesis Kajian

Oleh itu, hipotesis pengkaji untuk menjalankan kajian ini berdasarkan kepada permasalahan kajian dan objektif kajian ialah,

Hipotesis Nul (H_0):

Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa.

$$H_0: \mu_1 = \mu_2$$

Hipotesis Alternatif (H_a):

Terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa.

$$H_a: \mu_1 \neq \mu_2$$

Hipotesis Nul (H_0):

Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di kalangan bangsa di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa.

$$H_0: \mu_1 = \mu_2$$

Hipotesis Alternatif (H_a):

Terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di kalangan bangsa di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa.

$$H_a: \mu_1 \neq \mu_2$$

Hipotesis Nul (H_0):

Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di kalangan pelajar berdasarkan persekitaran tempat tinggal.

$$H_0: \mu_1 = \mu_2$$

Hipotesis Alternatif (H_a):

Terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan di kalangan pelajar berdasarkan persekitaran tempat tinggal.

$$H_a: \mu_1 \neq \mu_2$$

Hipotesis Nul (H_0):

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemilihan kerjaya dengan tahap pendidikan ibu bapa.

$$H_0: \mu_1 = \mu_2$$

Hipotesis Alternatif (H_a):

Terdapat hubungan yang signifikan antara pemilihan kerjaya dengan tahap pendidikan ibu bapa.

$$H_a: \mu_1 \neq \mu_2$$



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmanakah minat kerjaya di kalangan pelajar di sebuah Sekolah Menengah Teknik dan juga ingin mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya di kalangan pelajar-pelajar seperti jantina, bangsa, persekitaran tempat tinggal dan tahap pendidikan ibu bapa. Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai beberapa tujuan utama iaitu,

- a) mengenal pasti bidang-bidang yang diminati oleh pelajar.
- b) mengenal pasti perbezaan minat kerjaya pelajar berdasarkan jantina.
- c) mengenal pasti perbezaan minat kerjaya pelajar berdasarkan bangsa.
- d) mengenal pasti perbezaan minat kerjaya berdasarkan persekitaran tempat tinggal.
- e) mengenal pasti antara pengaruh tahap pendidikan ibu bapa terhadap minat kerjaya pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharap dapat memberi kepentingan kepada penyelidik, responden, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

- a) Penyelidik

Membantu penyelidik untuk mengetahui tentang minat kerjaya di kalangan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa dan seterusnya membantu penyelidik untuk mendalami dan meningkatkan pengetahuan dalam bidang kerjaya.

b) Responden

Memberi gambaran kepada responden tentang apa yang diminati dan apa yang tidak diminati. Secara tidak langsung, responden dapat menentukan dan membuat keputusan dalam pemilihan akademik dan kerjaya serta meminimalkan kesilapan dalam membuat pemilihan kerjaya.

c) Sekolah

Hasil daripada kajian ini dapat digunakan oleh pihak sekolah khususnya Unit Bimbingan dan Kaunseling dan guru kaunseling serta membantu untuk mengubahsuai program kerjaya yang akan dilaksanakan di sekolah serta memastikan sumber maklumat yang diberikan kepada pelajar adalah cukup jelas dan menepati kehendak pelajar-pelajar.

d) Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini juga dapat memberi maklum balas kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan kerjaya seperti Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan dan Hal Ehwal murid, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Teknikal supaya mereka dapat membuat perancangan yang sesuai dengan keperluan minat dan keperluan persekitaran serta memastikan pelajar-pelajar telah terdedah dengan maklumat-maklumat kerjaya supaya mereka lebih jelas lagi tentang tujuan dan matlamat mereka dalam membuat pemilihan kerjaya.

Secara kesimpulannya, penyelidikan ini adalah untuk memastikan lebih dekat lagi tentang sejauhmanakah minat pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap bidang kerjaya yang dipilih.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat dari aliran pengajian kejuruteraan (PKJ), pengajian pengurusan perniagaan (PPN) dan Automotif (AUTO) di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa. Responden majoritinya berusia 16 tahun. Untuk mentadbirkan soal selidik, kajian ini dihadkan kepada sebuah Sekolah Menengah Teknik di daerah Kota Bharu yang dipilih berdasarkan beberapa faktor utama iaitu kedudukan sekolah, tingkatan, kursus yang ditawarkan dan saiz sekolah. Sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa yang terletak hampir dengan bandar.

Sekolah ini dipilih kerana sekolah ini merupakan sekolah yang menawarkan pelbagai kursus yang terdiri daripada jurusan teknik dan vokasional yang lebih menjuruskan kepada pemilihan kerjaya untuk masa depan. Sekolah yang dipilih mempunyai tingkatan empat. Kajian ini melibatkan 95 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan.

1.9 Definisi Istilah

Kajian ini berjudul "Minat Kerjaya di kalangan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa". Takrifan istilah dari perspektif konteks dan konstruk bagi maksud kajian ini adalah seperti berikut :

1.9.1 Kerjaya

Kerjaya menurut Super (1972) ialah meliputi persediaan-persediaan sebelum seseorang itu menceburkan dirinya dalam dunia pekerjaan dan pekerjaan-pekerjaan yang akan dilakukan selepas bersara. Sementara itu, Tolbert (1974) menyatakan kerjaya sebagai satu rangkaian pekerjaan dimana seseorang individu melibatkan diri.

Ada individu yang mungkin kekal dengan satu pekerjaan sepanjang hayatnya dan ada individu yang sering bertukar-tukar pekerjaannya.

Khor Kah Houn (1991) pula menyatakan bahawa kerjaya merupakan keseluruhan bidang kerjaya yang dialami oleh seseorang individu sepanjang hidupnya. Sidek Mohd Noah (1997) membuat kesimpulan bahawa proses kerjaya adalah satu proses yang berterusan yang mana melibatkan diri dalam tugas perkembangan yang perlu untuk perkembangan peribadi dalam dunia pekerjaan.

Kerjaya dalam kajian ini merujuk kepada bidang-bidang pekerjaan yang dipilih oleh pelajar Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa dalam aliran pengajian kejuruteraan (PKJ), pengajian pengurusan perniagaan (PPN) dan Automotif (AUTO).

1.9.2 Minat

Minat didefinisikan sebagai satu kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objek. Strong (1964) berpendapat apabila seseorang itu suka pada sesuatu objek dan bersedia untuk menunjukkan reaksi terhadapnya. Minat dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan kerjaya terhadap sesuatu pekerjaan oleh pelajar Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa dalam aliran pengajian kejuruteraan (PKJ), pengajian pengurusan perniagaan (PPN) dan Automotif (AUTO).

1.9.3 Pelajar

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1993) pelajar adalah penuntut atau orang yang memperdalamkan pengetahuannya tentang sesuatu bidang ilmu. Pelajar dalam konteks kajian ini adalah penuntut atau murid-murid yang masih bersekolah dalam tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa. Mereka mengikuti pelbagai kursus dari jurusan teknik dan vokasional. Iaitu pengajian kejuruteraan (PKJ), pengajian pengurusan perniagaan (PPN) dan Automotif (AUTO).

BIBLIOGRAFI

Ahmad Esa.(1997).**Ciri-ciri Guru Sebagai Pemimpin daripada Sudut Pandangan Pelajar: Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang (1), Johor Bharu, Johor.** Kajian Pendidikan Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Agnis Sombuling. (1995). **Perbandingan Minat Kerjaya Di Kalangan Pelajar Bumiputera Sabah.** Latihan ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Roslani Ningal. (1988). **Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Dato Abd Samad. Port Dickson Negeri Sembilan.** Satu Kajian kes. Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris.

Bloom, S.S. (1979). **International Comparissons On Talent Encouragement,** MESA Seminar, Winter.

Chan Mee Yee. (1985). **Perbandingan Minat Kerjaya Para Pelajar di Sebuah Pusat Pengajian Tinggi.** Latihan ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chiam Tah Wan. (1988). **School Millieu and Students Aspirations,** Jurnal Pendidikan 5:99-110.

Conger,J.J. (1975). **Adolscence and Youth.** New York : Harper and Row

Crites, J.J. (1969). **Vocational Psychology.** New York : Me Graw Hill.

Crow, L.D. (1987). **Psychology of Human Adjustment.** New York : Alfered A. Knopt.

Doughtie, E.B, Chong, W.C, Alston, HIL, Wakefield, J.A, and Yom, B.L. (1979). **Blackwhite Differences in Vocational Preference Inventory**, Journal Of Vocational Behaviour 8:41-44.

Duff, A and Cotgrove, S. (1982). **Social Values and Choice of Career in Industry**, Journal of Occupational Psychology 60: 339-342.

Faridah Mariani Johari dan Widad Othman. (1996). **Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Di SMK. Sultan Omar, Dungun, Terengganu**, Jurnal Pendidikan. April 1996 Jilid 2, Bil. 1. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia; 46-47.

Field, M.W, and Shallen Berger, W.R. (1987). **The Influence of Age and Education of Perception of Occupational Attractiveness**, Journal of Occupational Psychology 60:339-342

Ginzberg, E. , Ginsburg, S.W. , Axelrad, S., Herma, J.L. (1972). **Occupational Choice: An Approach to a General Theory**. Columbia University Press : New York.

Hill, O.W, Pettus, W.C, and Heddin, B.A.(1992). **3 Studies of Factors Affecting The Attitudes of Blacks and Female Towards the Pursuit of Science and Service Related Careers**, Journal of Research in Science Technology 27 (4): 289-314.

Holland, J.L. (1966). **The Psychology of Vocational Choice**. Waltham, Mass : Blaisdell.

Hollingshead, J.W. (1949). **The Psychology of Career**. New York : Mc Graw Hill.

Kamus Dewan, Edisi Baru. (1993). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Kerlinger, F. (1973). **Foundations of Behaviour Science**. New York: Rinehart

and Winston.

Khor Kah Houn. (1991). **Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Tinjau Dari Sudut Jantina, Etnik dan Kursus Pengajian, Satu Tinjauan Di Sebuah Pusat Pengajian Tinggi**. Latihan ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laporan Pemeriksaan, **Rancangan Struktur Majlis Daerah Kota Bharu dan Pihak Berkuasa Tempatan Perancang Kota Bharu** (1998). Majlis Daerah Kota Bharu.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). **Penyelidikan Pendidikan**. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Olive, H. (1973). **Sex Difference In Adolescents Vocational Preference**. the Vocational Guidance Quartely.,2

Queck Ai Hwa. (1982). **Faktor yang mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Atas Termasuk Pelajar-pelajar Perempuan dan Lelaki**. Latihan ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roberts, H.E. (1962). **Factors Affecting The Academic Under Achievement Of Bright High School Students**. The Journal of Education Research 3.

Roe, Anne. (1956). **The Psychology of Occupations**. New York : John Wiley and Sons.

Roe, Dan. (1954). **Theories of Career Development**, Ed.ke 2, Englewool Clifs. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Rohani Nasir. (1985). **Minat dan Proses Perkembangan Kerjaya**. Kertas kerja Seminar Psikologi dan Masyarakat Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sarjit Singh. (1985). **Education and Occupational Aspirations and Examination Of Secondary School Children In Sarawak**, Journal of Education 2 (8):54-65

Shertzer and Stone. (1971). **Fundamentals Of Guidance**. Boston: Houghton Mifflin Company.

Sidek Mohd Noah Dr. (1997). **Penilaian dalam Kaunseling**. Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Strong, E.K, Jr. (1964). **Vocational Interest Of Men And Women**. Palo Alto : Stanford University Press.

Super, D.E. (1972). **The Psychology Of Career**. New York : Harper and Row. Edisi Ketiga.

Tolbert. (1974). **Counseling For Career Development**. Boston : Houghton Mifflin Company.

Tomlinson, S.M.and Evans-Hughes, G. (1992). **Gender Ehtnicity And College Students Responses To The Strong Campbell Interest Inventory**, Journal Of Counseling And Development 70: 151-155

Wan Intan Wan Chik. (1987). **Keluarga Sebagai Faktor Yang Mempengaruhi Perancangan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Perempuan Tingkatan Lima Di Sekolah Asrama Penuh**. Satu Kajian Kes. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Rafaei dan Ismail. (1982). **Persidangan Nasional Mengenai Kaum Remaja Di Malaysia**. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributord Sdn Bhd.